

TEKS UCAPAN

Y. BHG. BRIG. JEN DATO' PROF. DR KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UniMAP  
SEMPENA  
MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM  
ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION  
(ENVEK) 2010  
DI DEWAN SRJK (C) KHOON AIK, KANGAR, PERLIS  
PADA 4 APRIL 2010 (AHAD)

---

Bismillahirahmanirrahim,

Y. Berhormat Tuan Haji Fadillah Yusof,  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Y. Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Pegawai-Pegawai Utama,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil dari Instiusi Pendidikan Tinggi Dalam dan Luar Negara,

Wakil-wakil Media, Peserta-Peserta ENVEX 2010,

Mahasiswa/i Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan tuan-tuan puan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

It is a great pleasure and honor for me to welcome all the participants to Engineering Invention and Innovation Exhibition (ENVEX) 2010. I would like to record my utmost appreciation and congratulations to Mr. Mustafa Al Bakri Abdullah and his team for their highest commitment in making this event a success.

It is my hope that ENVEX will play an important role in providing a platform for young researchers to showcase their creative ideas towards improving in the research and innovation field. And we are here today to congratulate these innovators and recognize their dedication and commitment to education and research.

On this happy note, I would like to thank CIMA, the main sponsor and others for their generosity in sponsoring this event.

Once again, I welcome you to Perlis and I hope you have a pleasant stay here. And if you are lucky enough, you would also be able to enjoy our one-of-a-kind mango **Harum Manis** that is in season now.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya dan Keizinan-Nya maka kita dapat berada dalam Majlis Perasmian Penutupan Program Engineering Invention and Innovation Exhibiton (ENVEX) 2010 pada petang yang cukup berbahagia ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Y. Berhormat Tuan Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di atas kesudian menghadiri majlis kita pada petang ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua peserta yang menyertai program Enginering Invention and Innovation Exhibiton (ENVEX) 2010 kali ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada pihak CIMA selaku Penaja Utama, Rass D'sign & Event, Holcim, McGraw Hill, Technology Park Malaysia (TPM) selaku Co-Sponsor. Terima kasih juga diucapkan kepada Bintong Construction Sdn. Bhd., Shadent Enterprise, Budi Cempaka Enterprise dan lain-lain penaja yang telah memberikan sumbangan kepada pengajuran program ENVEX 2010 ini.

Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Pelaksana ENVEX 2010 yang diketuai oleh Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah di atas komitmen dan kesungguhan yang telah dipamerkan bagi memastikan kelancaran perjalanan persiapan program sehinggalah terlaksananya program ENVEX 2010 ini dengan jayanya.

Tuan-Tuan, Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,

Program Engineering Invention and Innovation Exhibiton (ENVEX) 2010 ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang diambil oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam menyahut seruan kerajaan yang telah mengistiharkan tahun 2010 sebagai tahun inovasi dengan pelaksanaan program Malaysia Inovatif 2010.

Atas seruan ini, matlamat yang dihasratkan daripada pengajuran program ENVEX 2010 ini adalah untuk memupuk budaya inovasi di kalangan penuntut Institusi

Pengajian Tinggi (IPT). Melalui penganjuran program sebegini juga dilihat berupaya untuk menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam meningkatkan keperihatinan warga universiti dan Institusi Pengajian Tinggi tentang betapa pentingnya memberi penekanan dan tumpuan dalam bidang penyelidikan.

ENVEX 2010 ini merupakan program kali kedua dianjurkan oleh UniMAP. Walaubagaimanapun penganjuran kali ini mencatatkan keistimewaan yang tersendiri apabila buat julung-julung kali penyertaannya dibuka kepada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain. Untuk penganjuran kali ini, saya difahamkan bahawa jawatankuasa pengajur telah menerima sebanyak 150 penyertaan yang meliputi kategori terbuka dan kategori tertutup (UniMAP).

Bagi kategori terbuka sebanyak 50 penyertaan telah diterima. Penyertaan bagi kategori ini adalah melibatkan penyertaan 8 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Sains Malaysia (USM), UiTM Perak, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Dan apa yang menarik sekali dalam penganjuran kali ini adalah, kita juga turut menerima satu penyertaan dari IPT luar Negara iaitu dari Institut Teknologi Medan (ITM) Indonesia. Manakala bagi kategori tertutup (peringkat UniMAP) pula, sebanyak 8 buah pusat pengajian dengan 100 penyertaan telah diterima.

Tuan-Tuan, Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,

Jumlah penyertaan yang memberangsangkan ini menunjukkan bahawa usaha-usaha penyelidikan, pembangunan dan inovasi sentiasa subur di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Selain dapat dijadikan sebagai medium bagi pencipta atau penyelidik untuk mempamerkan produk yang dihasilkan, program ENVEX 2010 ini dilihat mampu memenuhi objektif seterusnya dalam memberikan pendedahan awal dalam menggalakkan para penuntut IPT untuk terlibat dan terbabit dalam penyelidikan dan inovasi.

Bertemakan “Kejuruteraan Untuk Masyarakat”, saya berharap melalui ENVEX 2010 ini mahasiswa/i berupaya untuk mempamerkan idea yang kreatif dan inovatif dalam bidang penyelidikan dan inovasi menerusi penghasilan produk-produk yang boleh diterimapakai oleh masyarakat dan umum.

Apalah ertinya sesuatu produk yang dicipta sekiranya ianya tidak memiliki ciri-ciri mesra pengguna (masyarakat). Saya percaya melalui pelaksanaan Program ENVEX 2010 ini, ia bakal menjadi satu pentas terbaik bagi semua peserta untuk menimba ilmu dan berkongsi pengalaman sesama sendiri. Ini adalah kerana menerusi program sebegini kualiti penyelidikan akan dapat dinilai bukan hanya sekadar satu pertandingan tetapi dari segi penerimaan masyarakat ia merupakan satu sumbangan kepada pembangunan tamadun manusia.

Selain daripada manfaat kepada masyarakat, diharapkan agar melalui program ini hasil produk penyelidikan tidak hanya untuk dipertandingkan tetapi diharapkan agar ianya dapat diketengahkan ke industri dan satu jaringan kerjasama antara mahasiswa/i, komuniti dan industri juga akan dapat dijalankan melalui program sebegini. Semoga hasrat kerajaan melalui program Malaysia Inovatif 2010 akan dapat didukung melalui penganjuran program ini.

Akhir kata, semoga matlamat utama penganjuran program ini iaitu untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa/i Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengenai kepentingan Penyelidikan dan Inovasi. Adalah diharapkan agar program sebegini akan diteruskan lagi dalam usaha untuk menghasilkan modal insan yang berdaya saing dan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi.

Akhir kata saya Sudah dengan dua rangkap pantun;

**Pelajar Cemerlang Pelajar Berdedikasi,  
Menuntut Ilmu Mencorak Bangsa,  
ENVEK 2010 Pemangkin Kreativiti,  
Mencetus Inovasi Memartabatkan Negara.**

**Indahnya sungguh Kicauan Burung,  
Menyanyi Riang Di Atas Dahan,  
Kalah dan Menang Adat Bertanding,  
Jadikan Panduan Dimasa Hadapan.**

Wabillahitaufik                    Walhidayah                    Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.